



Rujukan Kami : JKKP DP 127/656/1-2 KLT.1(10)
Tarikh **23** Disember 2020

Kepada :

**Semua Pemegang Kompetensi Yang Berdaftar
Dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Tuan,

**ARAHAN BAGI PELAKSANAAN PROSIDING TATATERTIB KE ATAS
ORANG, FIRMA DAN PUSAT PENGAJAR YANG KOMPETEN SERTA
TENAGA PENGAJAR YANG BERDAFTAR OLEH JABATAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN.**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa arahan Pelaksanaan Prosiding Tatatertib Ke Atas Orang, Firma dan Pusat Pengajar Yang Kompeten Serta Tenaga Pengajar Yang Berdaftar Oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ini dikeluarkan bagi menjelaskan pelaksanaan tindakan tatatertib ke atas semua pemegang kompetensi Jabatan.
3. Tugas dan tanggungjawab setiap pemegang kompetensi secara khususnya telah dinyatakan di dalam Akta Kilang dan Jentera, 1967 [Akta 139], Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 [Akta 514], Tataamalan Industri, serta Garis Panduan yang berkaitan.
4. Oleh itu, surat arahan ini dikeluarkan untuk memberi maklumat dan penerangan kepada semua pemegang kompetensi berkenaan pelakuan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti di **Lampiran 1: Kriteria Penggantungan atau Pembatalan Kompetensi** yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang kompetensi.

Rujukan Kami : JKKP DP 127/656/1-2 KLT. 1 (10)

ARAHAN BAGI PELAKSANAAN PROSIDING TATATERTIB KE ATAS ORANG, FIRMA DAN PUSAT PENGAJAR YANG KOMPETEN SERTA TENAGA PENGAJAR YANG BERDAFTAR OLEH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN.

5. Oleh yang demikian, Jabatan berharap semua pemegang kompetensi dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang telah dinyatakan di dalam mana-mana kehendak akta, peraturan, tataamalan industri mahupun garis panduan serta mengikuti Kod Etika yang telah ditetapkan oleh Jabatan bagi mengelakkan tindakan tatatertib diambil ke atas pemegang kompetensi. Kerjasama daripada semua pihak amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,

(IR. ZAILEE BIN DOLLAH)

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.

LAMPIRAN 1

- i. Tidak mematuhi mana-mana syarat kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah;
- ii. Melanggar kod etika seperti di **Lampiran 2: Kod Etika Pemegang Kompetensi**;
- iii. Gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan sebagai pemegang kompetensi;
- iv. Gagal mencapai suatu tahap prestasi yang telah ditetapkan;
- v. Mendapat atau memperolehi pendaftarannya secara menipu atau salah nyata;
- vi. Telah disabitkan kesalahan di bawah perundangan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan; atau
- vii. Telah melanggar mana-mana terma atau syarat pendaftaran.

LAMPIRAN 2

KOD ETIKA PEMEGANG KOMPETENSI

- i. Memastikan tugas dan tanggungjawab dilaksanakan sepertimana kehendak perundangan, perintah, pekeliling, garis panduan sepanjang masa.
- ii. Tidak terlibat atau menyokong dalam apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan pelanggaran perundangan KKP.
- iii. Sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kompetensi yang dipegang.
- iv. Bertindak segera ke atas sebarang bahaya serta merta yang boleh berlaku dan memaklumkan kepada pihak berkaitan samada majikan atau pihak berwajib.
- v. Tidak akan terlibat dalam membuat maklumat atau kenyataan palsu berkaitan KKP walaupun diarahkan oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.
- vi. Tidak boleh dengan niat buruk membuat aduan untuk merosakkan reputasi pemegang kompetensi yang lain.
- vii. Bekerjasama dengan semua pihak dalam bidang berkaitan kompetensi dan menggalakkan penyebaran maklumat dan amalan terbaik KKP.
- viii. Menjalankan tugas sebagai pemegang kompetensi dalam tempoh sah pendaftaran.
- ix. Hanya menjalankan tugas sebagai pemegang kompetensi dalam bidang kompetensinya sahaja.

- x. Tidak membenarkan individu lain untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai pemegang kompetensi.
- xi. Tidak menyalahguna pengiktirafan kompetensi yang diperolehi.
- xii. Bertanggungjawab terhadap setiap laporan yang disediakan dan dikeluarkan.
- xiii. Mematuhi kod etika ini dengan tingkah laku yang baik dan menggalakkan pemegang kompetensi yang lain melakukan perkara yang sama.



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

1. Tidak Patuh

Syarat Kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah



2. Melanggar

Kod Etika Pemegang Kompetensi



5. Disabitkan

Kesalahan di bawah perundangan

3. Gagal

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab



6. Melanggar

Terma atau syarat pendaftaran.

**Pelakuan yang Boleh Dikenakan
Tindakan Tatatertib ke Atas Pemegang Kompetensi**

Follow us:



doshmalaysia



mjkkp



www.dosh.gov.my

Kod Etika

Pemegang Kompetensi



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan

2. Mematuhi semua perundangan KKP



4. Bertindak segera ke atas bahaya serta merta yang boleh berlaku.



6. Menggalakkan penyebaran maklumat dan amalan terbaik KKP.



8. Menjalankan tugas bagi kompetensinya tanpa mewakilkan kepada individu lain.



10. Bertanggungjawab terhadap laporan yang dikeluarkan.



1. Menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti kehendak perundangan, perintah, pekeliiling dan garis panduan sepanjang masa



3. Sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kompetensinya.



5. Memastikan maklumat berkaitan KKP yang dikeluarkan adalah sahih



7. Menjalankan tugas hanya dalam skop bidang dan tempoh sah kompetensi.



9. Kompetensi yang diperolehi tidak disalahguna.



Follow us:



doshmalaysia



mjkkp



www.dosh.gov.my